

Cinta boleh naikkan gred pelajar universiti

KOSMO 15/07/08 Pg. 14

Oleh NORAINI A. GHANI
berita@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - Jika kena pada gaya, sang pencinta boleh cemerlang dalam pelajaran.

Itulah pengakuan seorang pelajar terbaik Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Arif Mandangan, 23, apabila beliau meraih tiga anugerah, sekali gus membawa pulang hadiah bernilai RM2,000.

Katanya, pelajar yang bercinta mampu mendapat rangsangan positif jika pasangannya bermotivasi.

"Saya sangkal jika ada yang mengaitkan kegagalan dalam pelajaran adalah disebabkan pelajar berkenaan bercinta ketika belajar.

"Ia tidak betul, malah ramai yang saya lihat yang berjaya dalam pelajaran adalah kerana mempunyai teman istimewa," katanya ketika ditemui selepas Majlis Anugerah Pelajar Ce-

merlang UMT 2008 di sini semalam.

Beliau mendapat anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi), Pelajar Terbaik Akademik Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi) dan Anugerah Terbaik Keseluruhan Fakulti Sains dan Teknologi.

Beliau yang merupakan anak sulung daripada 11 beradik dan berasal dari Semпорna, Sabah berkata, beliau bersyukur dengan keputusan pelajarannya kerana bukan semua golongan bumiputera seperti arif dalam bidang Matematik.

"Lapan orang ahli keluarga saya datang dari Sabah semata-mata untuk menyaksikan penganugerahan ini termasuk, nenek serta datuk.

"Sekarang saya sudah membuktikan golongan seperti saya juga mampu bersaing dengan orang lain," katanya yang bercita-cita menjadi pendidik.



ARIF bersama ibunya, Jumaatiaa Salleh selepas majlis Anugerah Pelajar Cemerlang UMT di Kuala Terengganu semalam.